

16 DEC 1996

NUR MISUARI KUNJUNG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Nur Misuari, Gabenor Wilayah Autonomi Muslim Mindanao, mengunjung hormat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Misuari, yang juga Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Filipina Selatan, diiringi 20 orang pegawai.

Pertemuan hari ini merupakan yang kedua antara mereka selepas pertemuan ringkas di Teluk Subic, Filipina semasa kedua-dua pemimpin menghadiri mesyuarat Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Nur Misuari, yang tiba di sini malam tadi untuk lawatan rasmi seminggu, sebelum itu mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi di Wisma Putra.

Para pegawai Kementerian Luar berkata tujuan lawatan itu untuk mempelawa syarikat-syarikat Malaysia melabur dalam projek-projek ekonomi dan usahasama di selatan Filipina, sebuah daripada lima wilayah dalam Kawasan Pertumbuhan Asean Timur.

Misuari dijadual mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas pertemuannya dengan Dr Mahathir.

Beliau juga akan berucap pada jamuan tengah promosi pelaburan anjuran Persatuan Selatan-Selatan Malaysia di Institut Diplomatik dan Hubungan Luar hari ini.

-- BERNAMA

ES AHH